

# **Majlis Perjumpaan Khas YAB Ketua Menteri Sarawak Bersama Kejiranan Mesra (KJM) DBKU 2020**

Oleh: Fatin Amira binti Rahmad

09 Mac 2020 – Bertempat di Ballroom UCSI Hotel Kuching, Centre of Technical Excellence Sarawak (CENTEXS) telah mengikuti Majlis Perjumpaan Khas YAB Datuk Patinggi (DR) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak bersama Kejiranan Mesra (KJM) DBKU 2020. Majlis ini disertai atas jemputan dari pihak Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU).

Majlis bermula seawal jam 7.30 pagi dengan ketibaan para jemputan. Antara pengisian majlis tersebut adalah ceramah motivasi bertajuk 'Kepimpinan Berkesan Untuk Membawa Komuniti Ke Arah Pembangunan Diri', ucapan alu-aluan oleh YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Haji Junaidi, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam dan DBKU) Menteri Muda Utiliti Sarawak (Bekalan Air) serta amanat oleh YAB Datuk Patinggi (DR) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak. Kemuncak kepada majlis tersebut ialah pelancaran kalendar aktiviti KJM 2020 seterusnya upacara menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara DBKU dengan (1) CENTEXS (2) ZECON Bhd (3) Multimur Resources Sdn Bhd & Rafulin Holdings Sdn Bhd.

